

**ANALISIS KETEPATAN MAKNA DAN  
PROSEDUR TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS  
BAHASA CINA-BAHASA MELAYU  
DALAM *HIKAYAT JELAJAH KE BARAT***

**CHEAH POH YING**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2020**

**ANALISIS KETEPATAN MAKNA DAN  
PROSEDUR TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS  
BAHASA CINA-BAHASA MELAYU  
DALAM *HIKAYAT JELAJAH KE BARAT***

**oleh**

**CHEAH POH YING**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera**

**Julai 2020**

## **PENGHARGAAN**

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Profesor Madya Dr. Goh Sang Seong yang telah banyak memberikan bimbingan, tunjuk ajar dan nasihat kepada saya sepanjang penulisan tesis sehingga berjaya menghasilkan tesis ini. Beliau bukan setakat bertindak sebagai seorang penyelia yang profesional, malahan turut berperanan sebagai seorang kaunselor yang tidak pernah mengenal erti jemu dengan banyak memberikan dorongan, motivasi serta semangat kepada saya sepanjang kajian tesis ini.

Ribuan terima kasih saya ucapkan juga kepada Profesor Madya Dr. Haslina Haroon yang telah memberikan idea dan nasihat kepada saya.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia atas geran Bridging 304/PHUMANITI/6316022.

## JADUAL KANDUNGAN

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>JADUAL KANDUNGAN .....</b>	<b>iii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vi</b>
<b>GLOSARI .....</b>	<b>ix</b>
<b>SENARAI LAMPIRAN.....</b>	<b>x</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>xi</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1      PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
1.0 Pengenalan .....	1
1.1 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2 Pernyataan Masalah .....	5
1.3 Objektif Kajian.....	12
1.4 Persoalan Kajian.....	13
1.5 Kepentingan Kajian.....	13
1.6 Kerangka Teori.....	13
1.7 Metodologi Kajian .....	15
1.8 Batasan Kajian .....	20
1.9 Definisi Konsep.....	20
1.10 Organisasi Kajian .....	21
<b>BAB 2      SOROTAN KEPUSTAKAAN &amp; KERANGKA TEORITIS.....</b>	<b>23</b>
2.0 Pendahuluan .....	23
2.1 Terjemahan Sastera .....	23
2.2 Terjemahan sastera bahasa Cina (BC)-bahasa Melayu (BM) .....	27
2.3 Kajian tentang terjemahan KNK.....	29
2.4 Takrifan KNK .....	33
2.4.1 Definisi dan pengkategorian KNK.....	33
2.4.2 Kepentingan KNK.....	36
2.5 Prosedur Terjemahan KNK dalam teks sastera.....	38

2.5.1	Perbandingan antara prosedur, strategi dan kaedah terjemahan .....	38
2.5.2	Prosedur Terjemahan KNK.....	40
2.6	Pemilihan teks kajian .....	48
2.7	Kerangka teoritis .....	50
2.7.1	Definisi dan pengkategorian KNK.....	50
2.7.2	Penilaian ketepatan makna.....	52
2.7.3	Prosedur terjemahan KNK .....	54
<b>BAB 3</b>	<b>KETEPATAN MAKNA DAN PROSEDUR TERJEMAHAN</b>	
	<b>KATA NAMA KHAS KATEGORI BUDDHISME.....</b>	<b>60</b>
3.0	Pendahuluan .....	60
3.1	KNK buddha dan bodhisattva .....	62
3.2	KNK pengikut buddha .....	74
3.3	KNK pengajaran buddha.....	83
3.4	KNK tempat .....	89
3.5	KNK kitab .....	96
3.6	KNK objek .....	103
3.7	KNK sihir.....	108
3.8	KNK perayaan.....	112
3.9	Pemerhatian kesan terjemahan dan prosedur terjemahan KNK Buddhisme	116
3.10	Kesimpulan .....	122
<b>BAB 4</b>	<b>KETEPATAN MAKNA DAN PROSEDUR TERJEMAHAN</b>	
	<b>KATA NAMA KHAS KATEGORI TAOISME.....</b>	<b>124</b>
4.0	Pendahuluan .....	124
4.1	KNK dewa.....	125
4.2	KNK syaitan.....	144
4.3	KNK sihir .....	151
4.4	KNK senjata .....	156
4.5	KNK tempat .....	161
4.6	KNK pengajaran Taoisme.....	168
4.7	KNK objek .....	173
4.8	Pemerhatian kesan terjemahan dan prosedur terjemahan KNK Taoisme....	178
4.9	Kesimpulan .....	184

<b>BAB 5</b>	<b>KETEPATAN MAKNA DAN PROSEDUR TERJEMAHAN</b>	
	<b>KATA NAMA KHAS KATEGORI UMUM .....</b>	<b>186</b>
5.0	Pendahuluan .....	186
5.1	KNK watak.....	187
5.2	KNK tempat .....	200
5.3	KNK kitab .....	211
5.4	KNK masa.....	214
5.5	KNK ajaran .....	220
5.6	KNK objek .....	223
5.7	Pemerhatian kesan terjemahan dan prosedur terjemahan KNK umum .....	227
5.8	Kesimpulan .....	232
<b>BAB 6</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>234</b>
6.0	Pengenalan .....	234
6.1	Jenis dan Pengkategorian Kata Nama Khas.....	234
6.2	Kesan Terjemahan KNK.....	237
6.3	Prosedur Terjemahan KNK.....	243
6.4	Cadangan Kajian pada masa depan.....	253
	<b>BIBLIOGRAFI.....</b>	<b>254</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>
Jadual 2.0	Prosedur Terjemahan Zhang Wei Wei (2010) ..... 55
Jadual 3.0	Pengkategorian KNK Buddhisme ..... 61
Jadual 3.1	KNK buddha dan bodhisattva ..... 63
Jadual 3.2	Kesan dan prosedur terjemahan KNK buddha dan bodhisattva ..... 73
Jadual 3.3	KNK pengikut buddha ..... 74
Jadual 3.4	Kesan dan prosedur terjemahan KNK pengikut buddha ..... 82
Jadual 3.5	KNK pengajaran buddha ..... 84
Jadual 3.6	Kesan dan prosedur terjemahan KNK pengajaran buddha ..... 88
Jadual 3.7	KNK tempat ..... 89
Jadual 3.8	Kesan dan prosedur terjemahan KNK tempat ..... 95
Jadual 3.9	KNK kitab ..... 96
Jadual 3.10	Kesan dan prosedur terjemahan KNK kitab ..... 102
Jadual 3.11	KNK objek ..... 103
Jadual 3.12	Kesan dan prosedur terjemahan KNK objek ..... 108
Jadual 3.13	KNK sihir ..... 109
Jadual 3.14	Kesan dan prosedur terjemahan KNK sihir ..... 111
Jadual 3.15	KNK perayaan ..... 112
Jadual 3.16	Kesan dan prosedur terjemahan KNK perayaan ..... 116
Jadual 3.17	Kesan Terjemahan KNK Buddhisme ..... 117
Jadual 3.18	Prosedur Terjemahan KNK Buddhisme ..... 120
Jadual 3.19	Prosedur Terjemahan KNK Buddhisme oleh Zhang Wei Wei (2010) ..... 123
Jadual 3.20	Penemuan Prosedur Terjemahan KNK Buddhisme Baharu ..... 123
Jadual 4.0	Pengkategorian KNK Taoisme ..... 125
Jadual 4.1	KNK dewa ..... 126
Jadual 4.2	Kesan dan prosedur terjemahan KNK dewa ..... 143
Jadual 4.3	KNK Syaitan ..... 144
Jadual 4.4	Kesan dan prosedur terjemahan KNK Syaitan ..... 150
Jadual 4.5	KNK Sihir ..... 151

Jadual 4.6	Kesan dan prosedur terjemahan KNK Sihir .....	155
Jadual 4.7	KNK Senjata .....	156
Jadual 4.8	Kesan dan prosedur terjemahan KNK senjata .....	160
Jadual 4.9	KNK Tempat.....	161
Jadual 4.10	Kesan dan prosedur terjemahan KNK tempat .....	167
Jadual 4.11	KNK pengajaran Taoisme .....	168
Jadual 4.12	Kesan dan prosedur terjemahan KNK pengajaran Taoisme .....	172
Jadual 4.13	KNK objek.....	173
Jadual 4.14	Kesan dan prosedur terjemahan KNK objek .....	177
Jadual 4.15	Kesan Terjemahan KNK Taoisme .....	178
Jadual 4.16	Prosedur Terjemahan KNK Taoisme.....	181
Jadual 4.17	Prosedur Terjemahan KNK Taoisme oleh Zhang Wei Wei (2010)..	184
Jadual 4.18	Penemuan Prosedur Terjemahan KNK Taoisme Baharu.....	185
Jadual 5.0	Pengkategorian KNK umum.....	187
Jadual 5.1	KNK watak .....	188
Jadual 5.2	Kesan dan prosedur terjemahan KNK watak.....	199
Jadual 5.3	KNK tempat.....	200
Jadual 5.4	Kesan dan prosedur terjemahan KNK tempat .....	210
Jadual 5.5	KNK kitab.....	211
Jadual 5.6	Kesan dan prosedur terjemahan KNK kitab .....	213
Jadual 5.7	KNK masa.....	214
Jadual 5.8	Kesan dan prosedur terjemahan KNK masa .....	219
Jadual 5.9	KNK ajaran .....	220
Jadual 5.10	Kesan dan prosedur terjemahan KNK ajaran.....	223
Jadual 5.11	KNK objek.....	224
Jadual 5.12	Kesan dan prosedur terjemahan KNK objek .....	226
Jadual 5.13	Kesan Terjemahan KNK umum.....	227
Jadual 5.14	Prosedur Terjemahan KNK umum .....	230
Jadual 5.15	Prosedur Terjemahan KNK umum oleh Zhang Wei Wei (2010).....	233
Jadual 5.16	Penemuan Prosedur Terjemahan KNK Umum Baharu .....	233
Jadual 6.1	Pengkategorian KNK secara keseluruhan.....	236



Jadual 6.2	Kesan Terjemahan KNK secara keseluruhan .....	238
Jadual 6.3	Prosedur Terjemahan KNK secara keseluruhan .....	244

## GLOSARI

Kata nama khas	<i>Proper names</i>
Terjemahan Lebih	<i>Overtranslation</i>
Terjemahan Kurang	<i>Undertranslation</i>
Prosedur	<i>Procedure</i>
Terjemahan Sastera	<i>Literary Translation</i>
Terjemahan Teknikal	<i>Technical Translation</i>
Teks sumber	<i>Source text</i>
Teks terjemahan	<i>Target text</i>

## **SENARAI LAMPIRAN**

LAMPIRAN 1	KNK BUDDHISME
LAMPIRAN 2	KNK TAOISME
LAMPIRAN 3	KNK UMUM

**ANALISIS KETEPATAN MAKNA DAN  
PROSEDUR TERJEMAHAN KATA NAMA KHAS  
BAHASA CINA-BAHASA MELAYU  
DALAM *HIKAYAT JELAJAH KE BARAT***

**ABSTRAK**

Tesis ini mengkaji padanan kata nama khas dalam terjemahan teks bahasa Cina-bahasa Melayu. Data kajian melibatkan sejumlah 681 kata nama khas (KNK) yang dikutip secara manual daripada novel *Xiyouji*, iaitu hikayat klasik agung dalam kesusasteraan China yang dihasilkan oleh Wu Cheng En (1506-1582) di China. Teks sasarannya *Hikayat Jelajah ke Barat* diterjemahkan oleh Woo Tack Lok dan diterbitkan oleh *Dewan Bahasa dan Pustaka* pada tahun 2015. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti pengkategorian KNK, mencerakin ketepatan makna KNK dan menghuraikan prosedur terjemahan KNK. Kajian ini memanfaatkan himpunan beberapa teori yang dipilih secara eklektik seperti yang berikut: teori KNK yang digagaskan oleh Wang Li (1947) dan Li Rui (2014); pengkategorian KNK Buddhisme mengikut takrifan ensiklopedia agama Buddha *Zhongguo Fojiao Baike Quanshu* (2001); pengkategorian KNK Taoisme mengikut takrifan kamus besar agama Taoisme *Zhonghua Daojiao Dacidian* (1995); pengkategorian KNK di dunia nyata ke dalam KNK umum berdasarkan definisi Li Rui (2014); penentuan ketepatan makna melalui kaedah perbandingan teks Larson (1984); dan teori prosedur terjemahan Zhang Wei Wei (2010). Kesukaran terjemahan KNK BC-BM menghasilkan terjemahan tepat, terjemahan kurang, terjemahan lebih, terjemahan kosong, dan terjemahan salah. Hasil dapatan menunjukkan bahawa prosedur Zhang Wei Wei adalah memadai untuk menyalin makna KNK BC-BM, iaitu literal, transliterasi, prosedur terjemahan bebas, anotasi, serangkai, dan triplet. Kajian ini turut menemui prosedur baharu, iaitu

generalisasi, penambahan, pengguguran, kuadruplet, dan kombinasi serangkai dan triplet yang berbeza daripada teori Zhang Wei Wei. Hasil kajian menunjukkan faktor pemilihan prosedur. Semua makna dan bentuk teks sumber yang diungkapkan kembali secara langsung adalah diterjemahkan melalui prosedur literal. Faktor pemilihan prosedur transliterasi adalah bagi mengekalkan fonologi KNK. Prosedur terjemahan bebas pula mementingkan penyampaian makna dan tidak mengekalkan bentuk. Prosedur generalisasi adalah menghasilkan padanan yang bersifat umum. Makna yang digugurkan pula diterjemahkan melalui prosedur pengguguran. Bagi prosedur penambahan, faktor pemilihannya adalah bagi menunjukkan identiti KNK, serta memberikan penerangan lanjut. Bagi prosedur anotasi, nota penerangan ditambahkan bagi melengkapkan makna KNK. Sesungguhnya, usaha penerokaan makna leksikal KNK secara menyeluruh serta penerapan prosedur terjemahan yang berkesan adalah mustahak bagi memastikan makna KNK diungkapkan kembali secara tepat.

**AN ANALYSIS OF MEANING ACCURACY AND  
TRANSLATION PROCEDURES OF  
CHINESE-MALAY PROPER NAMES  
IN *HIKAYAT JELAJAH KE BARAT***

**ABSTRACT**

This thesis studies the equivalence of proper names in the translation of Chinese-Malay texts. The research data involves 681 proper names, which are collected manually from *Xiyouji*, the classical masterpiece in Chinese literature produced by Wu Cheng En (1506-1582) in China. The target text *Hikayat Jelajah Ke Barat* is translated by Woo Tack Lok and published by *Dewan Bahasa dan Pustaka* in 2015. The objectives of this study are to identify the categorization of proper names, examine the accuracy of the meaning of proper names and explicate the translation procedures of proper names. This study utilises a number of theories which have been identified eclectically as follows: the theories of proper names by Wang Li (1947) and Li Rui (2014); the categorization of proper names in Buddhism based on the definition of Buddhism encyclopedia *Zhongguo Fojiao Baike Quanshu* (2001); the categorization of proper names in Taoism based on the definition of Taoism dictionary *Zhonghua Daojiao Dacidian* (1995); the categorization of real world proper names based on Li Rui's definition (2014); the accuracy of meaning based on text comparison method by Larson (1984); and translation procedures theory by Zhang Wei Wei (2010). The difficulty of Chinese-Malay translation of proper names results in accurate translation, undertranslation, overtranslation, zero translation, and incorrect translation. The results show that Zhang Wei Wei's procedures are sufficient to convey the meaning of Chinese-Malay proper names, which are literal, transliteration, free translation procedure, annotation, couplet and triplet. This study also discovers new

procedures, which are generalization, addition, deletion, quadruplet, and the combination of different couplet and triplet from Zhang Wei Wei's theory. The findings show the selection factors of procedures. All the meanings and forms of source text that are fully conveyed is translated by literal procedure. The factor of selecting transliteration procedure is to preserve the phonology of proper names. Free translation procedure focuses on the delivery of meaning and does not retain the form. Generalization procedure is to produce general translation. The deletion of meaning is translated by deletion procedure. The selection factor of addition procedure is to indicate the identity of proper names and to provide further explanation. For annotation procedure, the explanatory notes are added to complement the meaning of proper names. Indeed, the effort of exploring the lexical meaning of proper names comprehensively and the application of effective translation procedures are crucial in ensuring that the meaning of proper names is accurately translated.

## **BAB 1: PENDAHULUAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Bahagian ini membincangkan latar belakang kajian dan menghuraikan perkara-perkara utama yang mendasari kajian ini, iaitu pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, metodologi kajian, batasan kajian dan organisasi kajian.

### **1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Liu Jing Qi (2012: 13) menyatakan bahawa sastera klasik China berkembang dari dinasti Qin (221 SM-206 SM) hingga dinasti Qing (tahun 1644-1912). Tegas beliau lagi, penulisan novel dan drama semakin berkembang pada dinasti Ming (tahun 1368-1644). Menurut Rutherford (2005: 6), kesusasteraan boleh dikategorikan kepada puisi, prosa, drama, novel dan cerpen. Rutherford (2005: 16) turut menyatakan bahawa tafsiran sastera klasik memfokuskan aspek linguistik, sejarah dan rujukan mitos. Menurut kamus budaya *Zhonghua Chuantong Wenhua Cidian* (2009: 457), sastera klasik dirumuskan sebagai karya yang mempunyai sejarah lama, tradisi baik dan boleh didapati dalam berbagai-bagai jenis bentuk seperti drama, cerpen dan novel. Seterusnya, Calvino (1986) mendefinisikan sastera klasik sebagai “*A classic is a book that has never finished saying what it has to say*”. Oleh itu, setiap kali pembaca menghayati sastera klasik, mereka dapat memperoleh ilmu dan dapatan baharu. Seiring dengan itu, Calvino (1986) menerangkan bahawa pembaca dapat mengetahui budaya, bahasa, sejarah dan adat istiadat melalui sastera klasik. Secara khusus, Peng Wen Xiang (2017: 231) menjelaskan bahawa sastera klasik China memaparkan semangat dan ciri-ciri kebudayaan China. Lantasnya, penghasilan karya sastera klasik



amat mementingkan penyampaian mesej dan ilmu penulis. Oleh hal yang demikian, jelaslah bahawa sastera klasik atau secara khususnya sastera klasik China mengungkapkan pandangan sarwa bangsa China yang sarat dengan unsur-unsur budaya.

Dari perspektif kepatuhan penterjemah sastera, Yan Fu (1898) mengutarakan bahawa penterjemah perlu mementingkan prinsip 信 (*xin*), 达 (*da*), 雅 (*ya*). 信 (*xin*) bermaksud kesetiaan pada teks sumber, 达 (*da*) bermaksud kelancaran teks terjemahan, manakala 雅 (*ya*) bermaksud keindahan teks terjemahan. Menurut Fu Cong Cong (2016: 107), kebanyakan penerangan, perbincangan dan perbahasan tentang prinsip terjemahan di China masih tidak terlepas daripada lingkungan prinsip Yan Fu, yakni 信 (*xin*), 达 (*da*), 雅 (*ya*). Seterusnya, Zaitul Azma Zainon Hamzah & Norizan Che Su (2005: 259) melontarkan pendapat bahawa penterjemah perlu mengekalkan mesej asal dan sifat keistimewaan teks sumber untuk mendekati dunia kesusasteraan masyarakat bahasa sumber dengan pembaca bahasa sasaran. Untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti, Guo Mo Ruo (1984: 20) menyatakan bahawa penterjemah perlu mempunyai tahap pemahaman budaya yang tinggi dan menguasai kedua-dua bahasa teks sumber dan teks terjemahan. Selaras dengan ciri sastera klasik yang kaya dengan kerencaman sosiobudayanya, penterjemah yang menangani terjemahan genre ini sesungguhnya memerlukan suatu pegangan teori atau prinsip sepertimana yang diutarakan oleh para sarjana.

Menurut Bahaa-eddin Abulhassan Hassan (2011: 1), terjemahan sastera dapat menyampaikan budaya dan kandungan teks sumber serta ciri-ciri pragmatik kepada pembaca sasaran. Goh Sang Seong (2016: ix) turut menjelaskan bahawa terjemahan karya sastera ialah produk terjemahan yang melibatkan dua komponen utama, iaitu

kandungan dan ciri-ciri kesusasteraan. Tambah beliau lagi, kandungan menjurus kepada elemen bahasa dan budaya, manakala kesusasteraan melibatkan gaya penulisan sastera dan gaya bahasa. Kenyataan ini selaras dengan pendapat Landers (2001: 72) yang menerangkan bahawa terjemahan sastera adalah berurusan dengan budaya. Pada Ekpenyong (2010: 328), terjemahan memainkan peranan sebagai jambatan yang menjalinkan persefahaman budaya antara kaum. Seterusnya, Goh Sang Seong (2016: 45) juga menerangkan bahawa terjemahan karya sastera mempunyai keupayaan untuk memperkenalkan cara hidup termasuk kebendaan, nilai, norma, kepercayaan dan cara berfikir sesuatu bangsa dan kaum kepada sesuatu bangsa dan kaum yang lain melalui pelbagai peringkat mesej budaya. Oleh itu, persefahaman budaya antara masyarakat China dan masyarakat bukan China dapat ditingkatkan sekali gus mengukuhkan lagi perpaduan melalui terjemahan bahasa Cina (BC) ke bahasa Melayu (BM). Chew Fong Peng (2009:83) juga bersetuju dengan menjelaskan bahawa terjemahan ialah suatu usaha yang penting untuk memupuk perasaan kekitaan, kesepunyaan dan kesejagatan antara kaum di Malaysia.

Menurut Yan Rui (2016: 164), sastera klasik China merupakan sastera agung yang diwarisi secara turun temurun di China. Tambah Yan Rui (2016: 164) lagi, terjemahan sastera klasik merupakan salah satu kaedah utama bagi memperkenalkan dan menyebarkan budaya tradisional China ke dunia. Pandangan Yan Rui tentang kepentingan terjemahan sastera klasik turut disokong oleh Zhang Ling (2017) dan Sun Ting (2016). Zhang Ling (2017: 30) menjelaskan bahawa sastera klasik China merujuk sastera agung yang banyak dihayati sejak zaman dahulu. Seterusnya, Sun Ting (2016: 87) turut menerangkan bahawa terjemahan sastera klasik China upaya mempromosikan sastera dan budaya China ke seluruh dunia. Sun Ting (2016: 87) turut mencatat bahawa Xu Yuan Chong (1984) ialah penterjemah sastera klasik yang

berpengalaman selama 60 tahun. Seterusnya, Jiang Yi (2019) turut menemu bual Xu Yuan Chong. Xu Yuan Chong mencadangkan bahawa makna dan falsafah yang terkandung dalam sastera klasik patut diungkapkan kembali ke dalam bahasa lain secara penuh bagi memastikan penyampaian makna yang lengkap. Oleh hal yang demikian, boleh dibuktikan bahawa terjemahan sastera klasik adalah penting dan mustahak.

Bagi meningkatkan penghasilan terjemahan sastera klasik, He Ming (2011: 122) mencadangkan bahawa penterjemah perlu berusaha menghasilkan pelbagai genre teks terjemahan, serta menaikkan pengiktirafan nama penterjemah dan penerbit. Tambah He Ming (2011: 122) lagi, pasaran terjemahan sastera klasik dapat diperluas secara berkesan melalui cara ini, lantas mendorong perkembangan terjemahan sastera klasik China.

Menurut Newmark (1993: 15), "*Proper names are a translation difficulty in any text*". KNK amat sukar diterjemahkan kerana KNK mendukung maklumat tentang budaya. Frege (1948: 215) berpendapat bahawa KNK bukan hanya mendukung makna simbolik, malah juga mendukung makna rujukan dan budaya tertentu yang berkaitan dengan konteks. Epstein (1979: 72) menyokong pendapat Frege dan menyatakan bahawa sekiranya KNK mendukung makna dan fungsi, KNK itu patut diterjemah. Jelas bahawa KNK bukan sekadar lambang bahasa, malahan turut mendukung lambang sosiobudaya.

Sesuai dengan tanggungjawab dan peranan terjemahan sastera ini, Awang Sariyan dalam hikayat *HJKB* (2015: v) menegaskan bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sentiasa berusaha menjalin kerjasama dengan pelbagai pihak untuk memastikan karya-karya besar daripada pelbagai tamadun dunia diterjemahkan dan

diterbitkan dalam BM. Antara lain, DBP telah bekerjasama dengan Persatuan Penterjemahan dan Penulisan Kreatif Malaysia (PERSPEKTIF) menerbitkan *Hikayat Pinggir Air* (2001), *Hikayat Tiga Negara* (2012) dan *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)* (2015). Ketiga-tiga buah karya ini merupakan karya agung dalam dunia sastera China. Jelas bahawa terjemahan sastera memikul fungsi sebagai perantara yang menghubungkan dua tamadun dan dua bangsa sekali gus memupuk persefahaman antara kedua-dua tamadun dan bangsa.

## 1.2 PERNYATAAN MASALAH

Berdasarkan sorotan kajian lepas, terdapatnya jurang kajian. Kajian lepas dalam terjemahan sastera BC-BM memfokuskan pelbagai isu yang melibatkan elemen leksikal dan budaya. Dalam kajian tentang elemen leksikal, Goh Sang Seong meneliti terjemahan kata kerja pada tahun 2003, 2004 dan 2011; dan menjalankan kajian tentang terjemahan peribahasa pada tahun 2010. Seterusnya, kajian tentang terjemahan *chengyu* dijalankan oleh Boh Phaik Ean (2013, 2014, 2015), terjemahan *partikel* oleh Chan May Leng (2013), terjemahan kata majmuk oleh Chan Kar Min (2015), dan terjemahan kata abstrak oleh Jennica Chin Ai Ai (2017). Seterusnya, kajian tentang elemen budaya yang memfokuskan kebolehterjemahan budaya BC-BM dijalankan oleh Goh Sang Seong (2007). Oo Jiu Bell (2017) pula meneliti terjemahan nilai falsafah dalam sastera klasik. Sebagai rumusannya, masih tidak banyak kajian terjemahan BC-BM yang dijalankan untuk membincangkan isu terjemahan leksikal dan budaya.

Dalam konteks kajian terjemahan isu leksikal, khususnya tentang kata nama secara umum, Lau Yoke Lian (2009) meneliti terjemahan metafora kata nama, Looi Wai Ling (2003) membincangkan kata nama kunci dan kata ganti nama diri, Low Bee

Eng (1991) menerangkan kepadanan kata nama dan kata tugas, Soh Bee Kwee (1996) meneliti frasa nama, manakala Ang Lay Hoon (2013) menganalisis kata nama. Selain itu, terdapat juga sarjana yang membuat kajian tentang terjemahan kata nama khas (KNK) BC-BM. Goh Sang Seong (2008, 2013) meneliti terjemahan nama perniagaan BC-BM. Berdasarkan senarai kajian lepas bagi pasangan BC-BM, terbukti belum ada pengkaji yang meneliti terjemahan KNK BC-BM dalam terjemahan sastera klasik, kecuali Ooi Hooi Boey (2013). Oleh itu, dirasakan perlunya menjalankan kajian tentang ketepatan terjemahan KNK dan prosedur terjemahan KNK BC-BM.

Ooi Hooi Boey (2013) meneliti strategi terjemahan KNK dalam lapan siri cerita klasik China yang diterbitkan pada tahun 2009. Lapan siri cerita klasik China yang dikaji ialah *Mitos China Purbakala* (Jilid 1), *Mitos China Purbakala* (Jilid 2), *Alegori Klasik China* (Jilid 1), *Alegori Klasik China* (Jilid 2), *Cerita Dewa-Dewi*, *Himpunan Cerita Pelik-Pelik*, *Pengembaraan Ke Dunia Barat* dan *Kisah Ajaib Alam Fantasi*. Siri cerita klasik China tersebut disusun khususnya untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah rendah. Oleh itu, kisah-kisah klasik itu disajikan semula dengan menggunakan BM yang mudah serta menambahkan ilustrasi untuk menarik minat kanak-kanak dan remaja. Menurut Ooi Hooi Boey (2013: iii), sebanyak 319 KNK dikumpul sebagai data kajian. Teks terjemahan yang dikaji merupakan adaptasi daripada teks sumber sesuai dengan pembaca sasarannya yang terdiri daripada kanak-kanak dan remaja. Oleh itu, data yang dianalisis adalah sedikit dan tidak menyeluruh. Susulannya, pengkaji terpanggil untuk meneliti dan mengkategorikan KNK dalam salah sebuah daripada empat buah karya sastera agung China, *Xi You Ji (XYJ)* atau judul terjemahannya, *Hikayat Jelajah Ke Barat (HJKB)* secara lebih terperinci dan menyeluruh dengan menggunakan teks terjemahan untuk pembaca umum yang setebal 562 halaman.

Seterusnya, kajian lepas turut menunjukkan terjemahan KNK dalam pasangan bahasa bukan BC-BM turut sukar dan mencabar. Antaranya, Feng Hua Zhan (1984), Low Bee Eng (1991), Fernandes (2006), Ng Wai Queen (2006), Xiao Jia Yan (2009), Sidek Sahrulazmi (2015), Al-Hamly (2015), Atikah Binti Zabir (2015), Raihana Mohd Yusof (2017), Ying Cui (2017) dan Li Li (2017). Menurut Jaleniauskiene dan Cicelyte (2009: 31), terjemahan KNK amat mencabar kerana biasanya KNK mendukung pelbagai kiasan yang menunjukkan jantina, umur, geografi, sejarah, makna khusus dan konotasi budaya. Tambah mereka lagi, makna KNK tidak dapat diperoleh daripada kamus secara mudah. Oleh itu, penterjemah KNK perlu memahami dan menguasai bahasa sumber dan budaya untuk menyampaikan makna KNK secara tepat. Perbincangan lanjut di Bahagian 2.3: Kajian terjemahan KNK dalam pasangan bahasa bukan BC-BM.

*XYJ* merupakan sastera klasik China yang penuh dengan berbagai-bagai jenis KNK. Didapati bahawa terdapat banyak sarjana China yang meneliti KNK daripada BC kepada bahasa Inggeris (BI) dalam *XYJ*. Kajian yang memfokuskan terjemahan nama watak dijalankan oleh Cheng Jie & Zhang Li (2009), Zhang Wei Wei (2010), Li Cai Qin (2011), Wang Xing Xiang (2011), Qiu Bang Neng (2014), Nurimanguli (2015), dan Zhao Xiao (2015). Seterusnya, Buhailiqiemuhan (2012) dan Yan Zhi Ping (2016) menjalankan kajian tentang terjemahan nama syaitan. Ding Ya (2014) pula meneliti terjemahan nama tempat. Kajian tentang terjemahan nama senjata dilakukan oleh Tan Yu Feng (2010) dan Yang Juan (2011) manakala terjemahan nama sihir dijalankan oleh Tan Yu Feng (2010) dan Lin Gui Hong (2012). Seterusnya, Jiang Jing & Bian Jian Hua (2012) membuat kajian tentang terjemahan nama istilah Buddha. Kajian yang berfokus pada terjemahan KNK BC-BI dalam *XYJ* dijalankan oleh Li Rui (2014) dengan mengambil kira semua jenis KNK. Xie Jin (2016) pula meneliti

terjemahan KNK dalam *XYJ* daripada BC kepada bahasa Uyghur. Ternyata KNK dalam *XYJ* memang mendapat perhatian daripada penyelidik terjemahan sesuai dengan keagungan karya asalnya dan kerencaman KNKnya. Oleh itu, *XYJ* yang sudah ada versi terjemahan BM juga dirasakan perlu dikaji aspek KNKnya.

KNK merupakan elemen penting dalam pengolahan cerita karya sastera. Menurut Fernandes (2006: 46), KNK mengandungi petanda tentang nasib, perjalanan watak dan memberikan bayangan mengenai perkembangan jalan cerita. Manini (1997: 166) turut menyatakan bahawa KNK bukan diberikan sewenang-wenangnya dalam karya sastera. Sebaliknya, kata beliau, penulis mempunyai alasan tertentu untuk menyampaikan makna KNK tersebut. Menurut Li Rui (2014: 66), berbagai-bagai KNK dapat menggambarkan watak dan perwatakan utama dalam *XYJ*. Oleh itu, ketepatan makna KNK itu menjadi isu penting dalam penterjemahan.

Menurut kamus *New Century Dictionary of Chinese Language & Culture* (2001: 366), 孙悟空 (Sun Wukong), iaitu watak utama dalam *XJY* ialah nama watak bagi monyet sakti yang bersifat berani, tegas dan berkebolehan tinggi. Dalam perjalanan ke Barat, Sun Wukong dapat mengenal pasti identiti syaitan dan mengalahkan musuh. Sun Wukong juga merupakan salah seorang wira yang disanjung oleh rakyat China. Menurut Cheng Jie dan Zhang Li (2009: 49), nama mendukung makna. Sun merupakan nama keluarga, manakala Wukong ialah namanya. 悟 (*wu*) merujuk tahap keadaan kesedaran jiwa yang tertinggi, manakala 空 (*kong*) ialah terjemahan daripada bahasa Sanskrit yang bermaksud niskala. Oleh itu, terjemahan nama Sun Wukong adalah penting supaya konsep Buddhisme yang cuba dibawakan oleh KNK itu dapat disampaikan kepada pembaca sasaran.

Yan Xiao Xing (2010: 14) menyuarakan pendapatnya tentang sebab penulis menamai watak utama dalam *XYJ* sebagai Sun Wukong daripada hanya menggunakan padanan monyet. Hal ini disebabkan nama Sun Wukong mendukung nilai kemanusiaan dan ketuhanan walaupun dia merupakan monyet. Sifat kemanusiaan dapat ditunjukkan ketika Sun Wukong menangis demi Sami Tang. Sun Wukong menangis teresak-esak ketika dihalau oleh Sami Tang atas salah faham dan ketika dia menyangka Sami Tang meninggal dunia. Seterusnya, sifat kedewaannya dapat ditunjukkan kerana Sun Wukong memiliki kuasa ghaib untuk melakukan 72 cara penjelmaan di bumi.

Menurut Li Rui (2014: 66), Sun Wu Kong mempunyai 29 nama gelaran. Nama gelaran bagi Sun Wukong adalah 千岁大王 (*qiansui dawang*), 美猴王 (*meihou wang*), 大王 (*dawang*), 齐天大圣 (*qitian dasheng*), 孙悟空 (*sun wukong*), 猴王 (*houwang*), 水帘洞洞主 (*shuilian dong dongzhu*), 老孙 (*laosun*), 天生圣人 (*tiansheng shengren*), 毛脸雷公 (*maolian leigong*), 天产石猴 (*tianchan shihou*), 弼马温 (*bimawen*), 大圣 (*dasheng*), 心猿 (*xinyuan*), 孙老爷 (*sun laoye*), 护法美猴王 (*hufa meihou wang*), 太乙散仙 (*taiyi sanxian*), 孙行者 (*sun xingzhe*), 者行孙 (*zhe xingsun*), 行者孙 (*xingzhe sun*), 立帝货 (*lidihuo*), 美猴精 (*meihou jing*), 上方太乙金仙 (*shangfang taiyi jinxian*), 孙悟空行者 (*sun wukong xingzhe*), 假春娇 (*jia chunjiao*), 外公 (*waigong*), 孙二官儿 (*sun erguaner*), 浪荡游神 (*langdang youshen*) dan 斗战胜佛 (*douzhan shengfo*). Nama ini rata-ratanya membawakan makna yang bertujuan mengagung-agungkan kehebatan Sun Wukong, di samping mendewa-dewakannya.

Menurut Li Rui (2014: 97), pembaca dapat merasai raja monyet yang angkuh dan ingin mengejar kebebasan melalui nama gelaran seperti 美猴王 (*meihou wang*) dan



齐天大圣(*qitian dasheng*). Pembaca dapat melihat keikhlasan si monyet yang ingin mempelajari ajaran Taoisme melalui nama 孙悟空(*sun wukong*) yang diberikan oleh tuk gurunya. Seterusnya 护法美猴王 (*hufa meihou wang*) menunjukkan imej monyet yang sudi melindungi Sami Tang dalam perjalanan pengumpulan kitab Buddha. Pembaca pula dapat merasai raja monyet yang berkemahiran luar biasa melalui gelaran 太乙散仙(*taiyi sanxian*). Seterusnya, Sun Wukong juga bersifat nakal dan menipu syaitan lain dengan mengubah nama gelarannya, iaitu 孙行者 (*sun xingzhe*), 者行孙 (*zhe xingsun*) dan 行者孙 (*xingzhe sun*). Pembaca juga dapat melihat imej seorang dewa pahlawan yang sering mencapai kejayaan dalam perjuangan melalui nama gelaran 斗战胜佛 (*douzhan shengfo*). Melalui KNK, pembaca dapat menyaksikan kehidupan raja monyet yang berubah daripada seorang yang angkuh dan bermaharajalela kepada seorang yang matang, bertanggungjawab dan menganuti ajaran Buddha. Terbukti bahawa KNK dalam *XYJ* mendukung makna khusus yang didasari oleh unsur kepercayaan, budaya dan falsafah. Perkara ini sememangnya tidak mudah ditangani semasa menterjemah, lantas memerlukan kajian.

Menurut Aguilera (2008: 1-2), KNK dalam BI dapat dikenal pasti melalui kewujudan huruf besar pada huruf pertama. Berbeza daripada KNK dalam BI, KNK dalam BC tidak dapat ditentukan dengan huruf besar. Berikutan kesukaran penentuan KNK dalam BC, kadangkala sesuatu KNK itu diterjemahkan menjadi kata nama am dalam teks sasaran. Pada masa yang sama, sesuatu kata nama am dalam BC pula diterjemah menjadi KNK. Fernandes (2006: 45) turut menyatakan bahawa kekeliruan akan timbul ketika kata nama am turut dijadikan sebagai KNK. Contohnya watak binatang diberikan nama mengikut jenis binatang, seperti 'The Beaver'. Pembaca sasaran akan berpendapat bahawa sesuatu tindakan yang dilakukan oleh *Beaver*

merupakan sifat semula jadi bagi semua *beaver*. Oleh hal yang demikian, kesukaran penentuan KNK berupaya menjejaskan penyampaian makna yang tepat kepada pembaca sasaran. Susulannya, kajian tentang prosedur terjemahan KNK perlu dijalankan bagi menghasilkan garis panduan kepada penterjemah.

Selain itu, KNK juga mendukung makna budaya. Lopez (2016: 534) menjelaskan bahawa terjemahan memainkan peranan penting untuk menyampaikan ciri-ciri budaya nama dari segi bentuk, makna dan perbezaan pandangan sarwa. Yan Fu (1898) turut menyatakan bahawa kepelbagaian budaya menyebabkan kesukaran penyesuaian budaya dalam terjemahan KNK. Menurut Yan Fu, walaupun kepadanan tercapai, kesemulajadian sukar tercapai. KNK yang berunsurkan elemen kepercayaan spiritual dalam budaya China tidak wujud sama sekali dalam budaya Melayu. Oleh itu, leksikal umum tidak mendukung fitur sentimen yang serupa. Berikutan itu, Chew Fong Peng (2009: 85) berpendapat bahawa perbezaan nilai dan norma antara dua masyarakat akan menyebabkan penterjemah banyak menghadapi masalah.

Tambahan pula, menurut Mill (1910: 20), KNK memainkan peranan simbol budaya tanpa mendukung ciri atau sifat individu. Sebaliknya, Epstein (1979: 72) menerangkan bahawa KNK dapat menunjukkan keperibadian watak, kepercayaan, tabiat, pengalaman, perasaan dan penampilan watak. Pembaca dapat memahami sifat watak dalam dunia sastera melalui KNK. Pandangan Epstein turut disokong oleh Lu Hong Mei. Menurut Lu Hong Mei (2006:106-116), fungsi nama watak mempengaruhi pemikiran asosiasi pembaca. Hubungan antara personaliti watak, latar belakang serta matlamat penulis dapat ditunjukkan. Oleh hal yang demikian, KNK dapat menyampaikan mesej budaya kepada pembaca sasaran. Contohnya 玉帝 (*yu di*) diterjemahkan sebagai '*Jade Emperor*'. Menurut Cheng Jie dan Zhang Li (2009: 49), kebanyakan gelaran kehormat bagi dewa Taoisme berkaitan dengan 玉 (*yu*). Ajaran

Taoisme berpendapat bahawa 玉 (*yu*) merupakan pati gunung dan batu yang kekal selama-lamanya, iaitu keabadian. Akan tetapi, walaupun terjemahan ‘*jade*’ adalah padanan yang sejadi, namun padanan ini tidak mendukung makna budaya dan tidak menunjukkan kemuliaan watak tersebut. Oleh hal yang demikian, analisis makna KNK dan terjemahannya perlu dijalankan bagi melihat ketersampaian mesej dalam teks sasaran.

Semasa pelancaran *HJKB* pada 25 November 2015, terjemahan KNK dalam *XJY* mendapat perhatian dan liputan media. Menurut laporan Xu Jun Jie dalam *Sin Chew Daily*, dilaporkan bahawa teks terjemahan, *HJKB* merupakan hasil kerjasama antara Malaysia dan China. Teks sumber, *XJY* kaya dengan berbagai-bagai KNK, seperti nama watak, nama tempat, nama buddha, nama dewa, nama syaitan, dan nama objek. Topik yang diberikan perhatian ialah bagaimana penterjemah menghasilkan teks terjemahan yang setia pada teks sumber, dan pada masa yang sama, dapat difahami oleh pembaca Melayu. Oleh itu, timbullah keperluan untuk menjalankan kajian komprehensif tentang terjemahan KNK dalam *XJY*.

### **1.3 OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) mengenal pasti dan mengkategorikan kata nama khas dalam *Xiyouji* dan teks terjemahannya *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)*.
- b) mencerakin makna kata nama khas dalam *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)* dan menganalisis ketepatan makna terjemahannya.
- c) mengenal pasti dan menghuraikan prosedur terjemahan kata nama khas dalam (*HJKB*).

#### **1.4 PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian berikut digunakan untuk mencapai objektif kajian:

- a) Apakah jenis kata nama khas yang terdapat dalam *Xiyouji* dan teks terjemahannya *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)*?
- b) Adakah makna terjemahan kata nama khas dalam *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)* tepat?
- c) Apakah prosedur terjemahan yang sesuai digunakan untuk menghasilkan terjemahan kata nama khas yang tepat?

#### **1.5 KEPENTINGAN KAJIAN**

Secara amnya, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada dunia terjemahan karya sastera klasik dan menghasilkan garis panduan terjemahan KNK. Secara khususnya, kajian ini diharapkan dapat dijadikan rujukan prosedur terjemahan KNK BC-BM. Melalui dapatan kajian, diharapkan juga masalah kesalahan terjemahan KNK BC-BM dapat dielakkan. Analisis yang akan dilakukan juga dijangkakan akan menghasilkan laporan komprehensif tentang tatacara bagi mengelakkan kesalahan dalam terjemahan KNK BC-BM. Hasil kajian nanti juga dapat dimanfaatkan dalam dunia terjemahan yang dapat merancakkan aktiviti silang bahasa dan budaya antara bangsa, khususnya antara Malaysia dan China.

#### **1.6 KERANGKA TEORI**

Definisi dan pengkategorian KNK yang digagaskan oleh Wang Li dan Li Rui dimanfaatkan. Menurut Wang Li (1947: 18), KNK merujuk nama watak dan nama tempat tertentu. Untuk meneliti berbagai-bagai jenis KNK dalam *XYJ*, Li Rui (2014) menambahbaikkan dan mengembangkan takrifan KNK yang digagaskan oleh Wang Li (1947). Li Rui (2014: 62) mentakrifkan KNK sebagai label yang memberikan

makna rujukan pada nama watak, nama tempat, nama kitab, nama sihir, nama senjata, nama objek, nama peristiwa, nama jabatan, nama masa dan nama istilah dalam hikayat *XYJ*. Seterusnya, Li Rui (2014: 62) mengklasifikasikan KNK ke dalam tiga kategori, iaitu KNK umum, KNK Taoisme dan KNK Buddhisme. Menurut Li Rui (2014), kategori umum memaparkan dan menerangkan KNK yang benar-benar wujud di dunia ini dan KNK yang tidak tergolong dalam agama Buddhisme dan Taoisme. Bagi menentukan KNK Buddhisme, takrifan yang diberikan dalam ensiklopedia agama Buddha *Zhongguo Fojiao Baike Quanshu* (2001) dijadikan sebagai panduan. Seterusnya, definisi yang diberikan dalam kamus besar agama Taoisme *Zhonghua Daojiao Dacidian* (1995) diaplikasikan bagi menentukan KNK Taoisme.

Bagi mencerakin ketepatan makna terjemahan KNK, Larson (1984: 482) menjelaskan kaedah kajian seperti berikut:

*The translator will need to do is to check for accuracy of meaning. He can do this by a careful comparison with the source text and the semantic analysis. Some of the problems are 1) something omitted, 2) something added, 3) a different meaning, or 4) a zero meaning, that is, the form used just doesn't communicate any meaning at all.*

Pernyataan ini menunjukkan terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat terhasil melalui perbandingan teks. Persamaan makna terhasil dalam terjemahan tepat. Bagi terjemahan tidak tepat, kesan yang timbul ialah pengurangan makna, penambahan makna, perbezaan makna atau pengosongan makna. Pengosongan makna bermaksud keadaan makna teks sumber tidak dipindahkan ke dalam teks terjemahan. Ketika menganalisis makna, pengkaji bukan hanya memfokuskan perkataan tersebut, hubungan antara ayat, perenggan dan unit lebih besar juga merupakan kriteria penting.

Seterusnya, bagi meneliti prosedur terjemahan KNK secara khusus, prosedur terjemahan KNK yang disarankan oleh Zhang Wei Wei (2010) dimanfaatkan. Sebanyak 10 prosedur yang digagaskan oleh Zhang Wei Wei (2010), iaitu prosedur transliterasi, prosedur literal, prosedur terjemahan bebas, prosedur serangkai (transliterasi dan anotasi), prosedur serangkai (literal dan transliterasi), prosedur serangkai (literal dan anotasi), prosedur serangkai (bebas dan transliterasi), prosedur serangkai (literal dan bebas), prosedur triplet (literal dan transliterasi dan anotasi), prosedur triplet (literal dan bebas dan anotasi). Perbincangan lanjut tentang kerangka teori dilaporkan dalam 2.6.2: Prosedur Terjemahan KNK dalam *Xiyouji (XYJ)*.

## **1.7 METODOLOGI KAJIAN**

Supranto (1986: 7) menyatakan kajian ialah kegiatan pengumpulan, pengolahan, pengujian dan analisis data yang dijalankan secara sistematik dan cekap untuk menjawab persoalan. Tujuan analisis kajian adalah untuk memperoleh jawapan melalui langkah ilmiah yang sistematik dan saintifik.

Teks sumber dalam kajian ini ialah hikayat *Xiyouji (XYJ)* 西游记, iaitu karya kesusasteraan agung yang dihasilkan oleh Wu Cheng En pada dinasti Ming (1506-1582). Hikayat *XYJ* merupakan sastera klasik China agung yang dihayati dan diminati oleh ramai pembaca. Hikayat *XYJ* yang kaya dengan unsur-unsur Buddhisme dan Taoisme, perkembangan jalan cerita yang menarik, serta pemikiran yang menasihati orang berpegang teguh pada ajaran baik dan menghindari perbuatan jahat yang dipaparkan melalui kehidupan watak dalam hikayat *XYJ* turut menjadi tarikan utama. Menurut Zhao Xiao (2013: 29), ‘banyak watak dalam hikayat *XYJ* benar-benar wujud dalam sejarah’. Pada dinasti Tang (618-907 M), Tang Sanzang menjelajah ke barat bagi mengumpulkan kitab-kitab. Oleh hal yang demikian, hikayat *XYJ* mendapat

perhatian yang tinggi bukan hanya kerana hikayat ini mendukung imaginasi dan kreativiti penulis, watak bersejarah dan tempat yang benar-benar wujud di dunia nyata turut menarik minat pembaca.

Selama beratus-ratus tahun ini, sastera klasik agung *XYJ* dihasilkan semula dan diterbitkan ke dalam berbagai-bagai versi. Contohnya, *XYJ* yang diadaptasikan bagi bahan bacaan kanak-kanak dalam bentuk novel dan komik. Didapati juga kandungan *XYJ* yang diadaptasikan menjadi versi moden, iaitu pemilihan kata yang mudah difahami dan syair klasik tidak dimasukkan. Selepas membandingkan *XYJ* dalam versi Cina dalam pasaran, didapati bahawa *Xiyouji. Jingjiban. (Xiyouji, edisi ekonomi)* yang diterbitkan pada tahun 1978 oleh penerbit Kwong Chi Book CO.H.K. sesuai dijadikan sebagai teks sumber. Hal ini demikian kerana teks sumber yang dipilih mengandungi semua bab *XYJ*, iaitu 100 bab. Tambahan pula, semua kandungan termasuk syair klasik turut dimasukkan ke dalam teks sumber yang dipilih.

Teks terjemahan ialah *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)*. Hikayat *HJKB* diterjemahkan oleh Woo Tack Lok ke dalam versi BM. Pada tahun 2015, hikayat *HJKB* diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Sama seperti teks sumber, teks terjemahan turut terdiri daripada 100 bab. Hikayat *HJKB* diterbitkan dalam empat jilid, iaitu setiap jilid terdiri daripada 25 bab. Dari bab 1 hingga bab 25, hikayat *XYJ* adalah sebanyak 308 muka surat, manakala hikayat *HJKB* adalah sebanyak 562 muka surat. KNK dalam hikayat *XYJ* dan hikayat *HJKB* dikutip secara manual dan dijadikan sebagai data kajian dalam tesis ini.

Analisis ini dijalankan dengan memanfaatkan kaedah perbandingan teks yang digagaskan oleh Larson secara deskriptif untuk menguji ketepatan penyampaian makna dan menentukan prosedur terjemahan. Bahan rujukan seperti buku,

ensiklopedia, jurnal, kamus, dan bahan dalam talian dikaji dan diteliti. Larson (1984: 482) menentukan ketepatan makna terjemahan seperti berikut:

*The translator will need to do is to check for accuracy of meaning. He can do this by a careful comparison with the source text and the semantic analysis.*

Pernyataan ini menunjukkan bahawa perbandingan teks upaya menilai ketepatan makna terjemahan. Menurut Larson, terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat akan terhasil dalam analisis ketepatan makna terjemahan.

Seterusnya, kaedah deskriptif dijalankan untuk menganalisis makna KNK. Melalui kaedah ini, pengkaji akan mencerakin makna KNK dengan melakukan perbandingan makna dalam teks sumber dengan makna dalam teks sasaran. Larson (1998: 519) menyatakan bahawa penterjemah menganalisis makna untuk mencapai kesetaraan mesej seperti berikut:

*Translation can be seen as a process through which the translator begins with the source text, with an attempt at analyzing this particular text into semantic construction. The translator then reconstructs the semantic construction concerned into proper forms of the target language, seeking to produce an equivalent receptor language text.*

Untuk menjawab persoalan 1: Apakah jenis kata nama khas yang terdapat dalam *Xiyouji* dan teks terjemahannya *Hikayat Jelajah Ke Barat*? Tatacara penyelidikan adalah seperti berikut:

- i) membaca teks sumber dan teks terjemahan.
- ii) menyari semua KNK dalam teks sumber berdasarkan takrifan KNK yang dicadangkan oleh Wang Li (1947) dan Li Rui (2014).



- iii) mengenal pasti dan mengkategorikan KNK Buddhisme mengikut takrifan ensiklopedia agama Buddha *Zhongguo Fojiao Baike Quanshu* (2001).
- iv) mengenal pasti dan mengkategorikan KNK Taoisme mengikut takrifan kamus besar agama Taoisme *Zhonghua Daojiao Dacidian* (1995).
- v) mengenal pasti dan mengkategorikan KNK yang benar-benar wujud di dunia nyata ke dalam KNK umum mengikut takrifan Li Rui (2014).

Untuk menjawab persoalan 2: Adakah makna terjemahan kata nama khas dalam *Hikayat Jelajah Ke Barat* tepat? Tatacara penyelidikan adalah seperti berikut:

- i) memadankan KNK yang disari dengan terjemahan dalam teks terjemahan.
- ii) menentukan ketepatan terjemahan melalui kaedah perbandingan teks Larson (1984) secara deskriptif.

Untuk menjawab persoalan 3: Apakah prosedur terjemahan yang sesuai digunakan untuk menghasilkan terjemahan kata nama khas yang tepat? Tatacara penyelidikan adalah seperti berikut:

- i) memanfaatkan prosedur terjemahan yang digagaskan oleh Zhang Wei Wei (2010).
- ii) menentukan kekerapan penggunaan prosedur terjemahan berdasarkan kategori KNK yang berlainan.

Kedua-dua kaedah perbandingan teks dan kaedah deskriptif dimanfaatkan untuk menentukan ketepatan makna terjemahan KNK dan prosedur terjemahan KNK. Pengukuran ketepatan makna dalam kajian ini berdasarkan ketepatan makna KNK dan

terjemahannya. Zhou Xi Liang (1984: 137) menyatakan bahawa penterjemah perlu menyemak berbagai-bagai jenis kamus, ensiklopedia dan buku rujukan untuk memahami budaya, adat istiadat dan pandangan sarwa secara mendalam.

Oleh itu, untuk menyemak makna budaya, pengkaji merujuk kamus *Xiyouji* (1994), ensiklopedia agama Buddha *Zhongguo Fojiao Baike Quanshu* (2001), kamus besar agama Taoisme *Zhonghua Daojiao Dacidian* (1995), *New Century Dictionary of Chinese Language & Culture. Chinese-English Edition* (2001), kamus budaya *Zhonghua Chuantong Wenhua Cidian* (2009), Chen Yu Feng. *Kajian nama senjata dan nama sihir Xiyouji* (2010), ensiklopedia agama Buddha *Fojiao dongzhiwu* (2010), ensiklopedia China klasik *Zhongguo Gudai Yi Shi Zhu Xing* (2011), ensiklopedia budaya China *Jiedu Zhongguo Wenhua Cihui* (2010) dan ensiklopedia sastera klasik China *Zhongguo Gudai Wenxue Changshi* (2008).

Untuk menyemak makna leksikal, pengkaji merujuk kamus ekabahasa *Routledge Dictionary of Language and Linguistics* (1996), *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), kamus *Zuixin Hanyu Da Cidian* (2003), *The Concise Oxford Dictionary of Linguistics* (1997) dan kamus Bahasa Cina *Ciyuan* (1979). Seterusnya, kamus dwibahasa yang dirujuk ialah *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar (5th ed)* (2011), *Kamus Bestari Cina-Malayu-Inggeris* (2015) dan *Kamus Umum Bahasa Melayu-Cina Serba Baru* (2015). Pengkaji turut menyemak tatabahasa BC melalui buku rujukan seperti *Xiandai Hanyu Yufa* (1992), *Xiandai Hanyu Miaoxie Yufa* (2010) dan *Zhongguo Xiandai Yufa* (1947).

Selain itu, pengkaji juga menyemak makna KNK melalui sumber dalam talian, iaitu *Pusat Rujukan Persuratan Melayu*, kamus *Wenxuewang Hanyu Cidian*, dan kamus *Zaixian Hanyu Cidian*.

## 1.8 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas pada data yang diperoleh daripada jilid pertama *Hikayat Jelajah ke Barat (HJKB)* yang diterjemahkan oleh Woo Tack Lok. *HJKB* diterbitkan pada tahun 2015 oleh DBP. Analisis dalam kajian ini hanya tertumpu pada KNK. Walau bagaimanapun, KNK dalam *HJKB* adalah banyak dan pelbagai. Jumlah KNK dalam jilid pertama *HJKB* adalah sebanyak 681, iaitu 260 dalam kategori umum, 304 dalam kategori Taoisme dan 117 dalam kategori Buddhisme. Oleh itu, jumlah data ini adalah memadai untuk menunjukkan pola penterjemahan KNK dalam *HJKB*.

## 1.9 DEFINISI KONSEP

Kajian ini didasari dengan beberapa takrifan konsep seperti yang berikut:

**Terjemahan:** Menurut Catford (1965: 20), terjemahan ialah penggantian bahan teks dalam sesuatu Bahasa dengan bahan yang sepadan dengan bahasa lain. Newmark (1981: 7) turut menjelaskan bahawa terjemahan ialah usaha menggantikan mesej dalam satu bahasa dengan mesej dalam bahasa lain.

**Sastera klasik:** Sastera klasik ditakrifkan sebagai karya yang mengandungi sejarah yang lama, tradisi baik dan dihasilkan dalam pelbagai jenis bentuk. (kamus budaya *Zhonghua Chuantong Wenhua Cidian*, 2009: 457) Yan Rui (2016: 164) turut menjelaskan bahawa sastera klasik China ialah sastera agung yang banyak dihayati dan diwarisi secara turun temurun di China.

**Kata nama khas:** Menurut Wang Li (1947: 18-24), KNK mendukung makna rujukan pada nama watak, dan nama tempat. KNK yang mendukung makna rujukan turut disokong oleh sarjana lain. Menurut Newmark (2001:70), KNK memberi makna rujukan khusus pada nama manusia, objek, atau proses khusus bagi satu-satu masyarakat suku kaum.

**Makna terjemahan:** Larson (1984: 482) menerangkan bahawa terjemahan tepat dan terjemahan tidak tepat terhasil dalam analisis ketepatan makna terjemahan. Bagi semua makna yang dipindahkan sepenuhnya, terjemahan tepat terhasil. Bagi terjemahan tidak tepat, keadaan pengurangan makna, penambahan makna, perbezaan makna atau pengosongan makna terhasil.

**Prosedur Terjemahan:** Newmark (1988: 81) menjelaskan bahawa prosedur terjemahan (*translation procedure*) adalah diaplikasikan pada ayat atau unit bahasa yang lebih kecil. Prosedur yang digagaskan oleh Zhang Wei Wei (2010) sesuai diaplikasikan dalam terjemahan KNK, iaitu unit bahasa yang kecil.

## **1.10 ORGANISASI KAJIAN**

Perbincangan kajian ini terbahagi kepada 6 bab seperti berikut:

Bab 1: Pendahuluan

Bab 2: Sorotan kepustakaan & kerangka teoritis

Bab 3: Ketepatan makna terjemahan dan prosedur terjemahan kata nama khas

kategori Buddhisme

Bab 4: Ketepatan makna terjemahan dan prosedur terjemahan kata nama khas

kategori Taoisme

Bab 5: Ketepatan makna terjemahan dan prosedur terjemahan kata nama khas

kategori umum

Bab 6: Kesimpulan dan cadangan

Bab 1 membincangkan pendahuluan yang merangkumi pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian,

metodologi kajian, kepentingan kajian dan organisasi kajian. Bab 2 pula menghuraikan sorotan kepustakaan dan kerangka teoritis. Mengenai analisis data, bab 3 memaparkan KNK Kategori Buddhisme, bab 4 menunjukkan KNK Kategori Taoisme, manakala bab 5 mempamerkan KNK Kategori umum. Bab 6 ialah kesimpulan dan cadangan. Melalui dapatan kajian, pengkaji akan mengemukakan cadangan untuk kajian masa depan.

## **BAB 2: SOROTAN KEPUSTAKAAN & KERANGKA TEORITIS**

### **2.0 Pendahuluan**

Dalam bahagian ini, sorotan bacaan dijalankan untuk memahami beberapa aspek yang berkaitan dengan terjemahan sastera. Tinjauan bacaan dibuat untuk meneliti takrifan kata nama khas secara umum dan takrifan kata nama khas dalam terjemahan. Perbandingan antara prosedur, strategi dan kaedah terjemahan dibincangkan. Bahagian ini turut membincangkan saranan sarjana tentang kaedah, prosedur atau strategi terjemahan kata nama khas (KNK) dalam teks sastera dan *Xi You Ji (XYJ)*. Pemilihan teks kajian turut dibincangkan.

### **2.1 Terjemahan Sastera**

Menurut Goh Sang Seong (2016: vii), terjemahan khususnya terjemahan sastera masih kurang mendapat pengiktirafan daripada dunia akademik di kebanyakan negara terutamanya di Asia. Tambah Goh Sang Seong (2016: vii) lagi, terjemahan sastera tidak diberikan penilaian yang setaraf dengan hasil akademik yang lain walhal peranan terjemahan karya sastera adalah setaraf dengan karya akademik lain.

Melalui sorotan kajian yang dijalankan, beberapa sarjana mengutarakan bahawa terjemahan sastera memainkan peranan penting dalam penyampaian makna dan budaya teks sumber kepada pembaca sasaran. Menurut Bahaa-eddin Abulhassan Hassan (2011: 1), terjemahan sastera dapat menyampaikan kandungan teks sumber, budaya, dan ciri-ciri pragmatik kepada pembaca sasaran. Morina (2013: 164) turut menjelaskan bahawa tujuan terjemahan sastera adalah bagi mengungkapkan kembali maklumat, memastikan kesetaraan budaya, dan menitikberatkan keindahan bahasa. Oleh hal yang demikian, penterjemah teks sastera perlu memahami dan menguasai

kedua-dua bahasa dan budaya secara menyeluruh bagi menghasilkan terjemahan sastra yang tepat dan lengkap.

Seterusnya, terjemahan sastra merangkumi berbagai-bagai jenis genre. Terdapat beberapa sarjana yang meneliti tentang genre terjemahan sastra. Menurut Morina (2013: 164), jenis terjemahan sastra termasuk terjemahan fiksyen, puisi, dan drama. Kazakova (2015: 2842) menyokong pandangan Morina (2013: 164) tentang terjemahan sastra adalah memfokuskan fiksyen dan puisi, Tambah Morina (2013: 164) lagi, terjemahan diari turut termasuk dalam terjemahan sastra. Oleh hal yang demikian, pelbagai jenis genre menunjukkan bahawa terjemahan sastra adalah banyak dan pelbagai. Oleh hal yang demikian, strategi, kaedah, prosedur, atau teknik terjemahan yang bersesuaian patut diteliti dengan baik-baik dalam proses terjemahan.

Kazakova (2015: 2845, 2856) membincangkan strategi terjemahan sastra seperti berikut:

*Unbiased principle as means to retain more verbal characteristics of the source text. The adherent-strategy show even more conservative principles and enhances the tendency towards the transfer the original verbal forms as they are, culturally-determined words are transliterated. Literal translation represent the verbal form of the original but with disastrous effects for the implicit information component, that is all kinds of the subjective information.*

*Biased strategies tend to protect the reader from the interlingual and intercultural complications (helper-strategy). Following the helper strategy, the translator uses more analogous or descriptions rather than transliteration.*

Sebagai rumusannya, Kazakova (2015) menyarankan bahawa strategi atribut dan strategi pembantu sesuai dimanfaatkan dalam terjemahan sastra. Strategi atribut